



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

29 Mei 2009

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 29 Mei 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi sebanyak empat belas (14) kes yang dimasukkan ke wad isolasi di tiga (3) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan. Daripada jumlah tersebut, sepuluh (10) telah disahkan negatif manakala empat (4) lagi masih menunggu keputusan. Sehingga kini sebanyak 310 kes telah dimasukkan ke wad isolasi untuk penyiasatan dimana 304 disahkan negatif dan dua (2) disahkan positif. Dua (2) kes yang positif adalah seperti yang dilaporkan pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu.

Seperti yang dilaporkan semalam, seramai tujuh (7) orang sedang diletakkan di bawah "home quarantine". Dua (2) daripadanya ialah kontak kepada kes yang disahkan di Taiwan pada 24 Mei 2009. Mereka sedang dikuarantin sehingga 31 Mei 2009. Lima (5) individu lagi yang dikuarantin pula ialah kontak kepada kes di Singapura pada 26 Mei 2009 dan akan dikuarantin sehingga 2 Jun 2009. Pada masa ini, kesemua mereka berada dalam keadaan sihat dan memberikan kerjasama yang baik kepada pihak Kementerian Kesihatan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan, sehingga 29 Mei 2009, jam 8.00 pagi, jumlah negara terlibat masih kekal seperti semalam iaitu 50 buah. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 101 kes baru dilaporkan di seluruh dunia menjadikan jumlah keseluruhan kes influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal sehingga kini ialah sebanyak 14,772 kes. Peningkatan tersebut berlaku di empat (4) buah negara iaitu Australia (80), China (5) (Mainland 2; Hong Kong 3), Jepun (4) dan Republik Korea (12). Tiada kematian baru dilaporkan, mengekalkan jumlah kematian sehingga kini sebanyak 96.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sehingga 29 Mei 2009, jam 8.00 pagi, seramai 22,620 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 20,876 (92.3%) orang disaring di pintu masuk udara, 634 (2.8%) di pintu masuk laut dan 1,110 (4.9%) di pintu masuk darat. Sebanyak satu (1) kes yang dikesan di pintu masuk udara telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 29 Mei 2009 jam 8.00 pagi, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 244,315 orang di mana 196,992 (80.6%) disaring di pintu masuk udara, 13,488 (5.5%) di pintu masuk laut dan 33,835 (13.8%) di pintu masuk darat. Daripada jumlah tersebut, 56 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Dua (2) kes yang dilaporkan di Malaysia pada 15 dan 16 Mei 2009 adalah kes import daripada Amerika Syarikat dan tiada penularan tempatan (local transmission) influenza A(H1N1) di Malaysia. Saya ingin memaklumkan bahawa negara Malaysia adalah bebas daripada

penularan influenza A(H1N1) dan oleh itu, pelawat-pelawat luar negara dan juga penduduk Malaysia tidak perlu bimbang kerana negara ini selamat daripada jangkitan influenza A(H1N1). Pada masa yang sama, saya ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 29 Mei 2009